

TRAGEDI KEBAKARAN PUSAT TAHFIZ DARUL QURAN ITIFAQIYAH

Apa punca, litar pintas atau tong gas?

Kronologi

1. Kebakaran bermula di bilik asrama pada pukul 12.45 tengah malam.
2. Pelajar mendengar bunyi letupan dan berlarian keluar bangunan.
3. Kebakaran merambat ke tingkat atas.

KERATAN Utusan Malaysia 15 September 2017.

Sekolah tahfiz gagal patuhi syor RCI

KUALA LUMPUR 16 Sept. - Syor yang dikemukakan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Keselamatan Sekolah Agama pada 1989 jelas menunjukkan terdapat garis panduan bagi mengelakkan berlakunya kejadian kebakaran serta kaedah menanganinya.

Pada 1989, kerajaan telah menubuhkan RCI bagi meniasat tragedi kebakaran yang menimpa blok asrama pelajar perempuan Sekolah Agama Rakyat Taufiqiah Khairiah Al-Halimiah atau Pondok Pak Ya dekat Yan, Kedah yang mengorbankan 27 pelajarinya.

Kejadian yang berlaku antara pukul 12.45 tengah malam hingga 1 pagi itu dilaporkan berpunca daripada api lilin yang digunakan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran, telah membakar tilam sehingga sukar dikawal dan kemudiannya api marak menjilat beberapa blok yang dihuni pelajar.

RCI dilancarkan pada November 1989 dua bulan selepas kejadian kebakaran itu dengan dipengerusikan oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Abdul Aziz Zain, dibantu bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohd. Nor; bekas Ketua Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Muhammad Nong dan pakar binaan, Dr. Bernard Wang Tsun Hao.

Hasil beberapa penemuan yang dibuat oleh suruhanjaya itu, terdapat beberapa kelemahan antaranya tiada maklumat jumlah sebenar sekolah agama di negara ini walaupun dianggarkan berjumlah lebih 1,500 buah dan kelemahan dari aspek pemantauan operasi.

Selain itu, sekolah agama tidak dilengkapi alat keselamatan pemadam kebakaran, tidak pernah mengamalkan latihan kebakaran serta kebanyakannya didirikan menggunakan bahan-bahan binaan murah, tiada kualiti dan mudah terbakar.

Antara syor suruhanjaya yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah penambahbaikan Akta Kerajaan Tempatan, Akta Bangunan, Akta Jalan dan Akta Perkhidmatan Bomba.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berka-

ta, syor yang dikemukakan oleh RCI 1989 itu tidak digunapakai oleh pusat tahfiz di negara ini sedangkan ia boleh dijadikan garis panduan keselamatan di institusi pendidikan tersebut.

Katanya penelitian semula syor oleh RCI tersebut akan dilakukan oleh Pasukan Petugas Khas bagi menyasat kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah yang akan bermesyuarat, Selasa ini.

Sementara itu, Pengetua Pondok Pak Ya, Azizah Yahya, 74, berkata, terdapat banyak pengajaran yang sepatutnya dipelajari daripada tragedi 1989 tersebut, namun dengan pagedaran masa, kepentingan aspek keselamatan kadangkala mungkin diabaikan.

"Sejak kes 1989 itu, beberapa garis panduan dikeluarkan termasuklah latihan situasi kebakaran perlu dijalankan, tidak boleh memasak dan memasang lilin dalam blok asrama. Garis panduan sentiasa perlu ditekankan terutamanya di kawasan seperti sekolah kerana melibatkan banyak nyawa," katanya kepada *Mingguan Malaysia* hari ini.

Namun pada masa sama, kata Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia, Juhaidi Yean Abdullah, berdasarkan pemerhatiannya terdapat banyak bukti-bukti jelas tentang banyak sekolah pondok gagal mengikut cadangan RCI itu atau nasihat mencegah kebakaran oleh pihak bomba.

Katanya, keadaan sekolah pondok dibiarkan seperti rumah sendiri dengan barangan mudah terbakar seperti kertas dan pakaian yang berselerak, penggunaan soket elektrik secara berlebihan, pendawaian elektrik yang usang, pelajar tidak bersedia menghadapi situasi kebakaran dan membuat penambahan bangunan sesuka hati menjadi faktor mendorong kebakaran.

"Malah disebabkan pertambahan pelajar, susunan di asrama tidak tersusun dengan katil setiap penghuni bersambung antara satu sama lain, pakaian dan kertas berselerak. Kesemuanya itu merupakan barangan mudah terbakar. Tidak mustahil mengapa tragedi kebakaran sering berlaku di sekolah-sekolah agama khususnya jenis pondok," katanya.

Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Keselamatan Sekolah Agama

RCI dilancarkan pada November 1989 dua bulan selepas kejadian kebakaran **Pondok Pak Ya** dengan dipengerusikan oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, **Tan Sri Abdul Aziz Zain** dengan dibantu oleh Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, **Tan Sri Murad Mohd. Nor**, bekas Ketua Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **Dr. Muhammad Nong** dan pakar binaan, **Dr. Bernard Wang Tsun Hao**.

Hasil siasatan mendapati:

- Kurangnya maklumat jumlah sebenar sekolah agama dan banyak yang tidak didaftarkan.
- Terdapat banyak kelemahan dari segi pemantauan operasi sekolah agama oleh kerajaan.
- Sekolah tidak dilengkapi dengan alat keselamatan memadai kebakaran dan tidak pernah menjalani latihan situasi kebakaran.
- Kebanyakan sekolah agama dibina menggunakan bahan binaan yang murah, tidak berkualiti serta mudah terbakar.

Antara syor/cadangan/kelemahan di sekolah-sekolah pondok dalam aspek kebakaran

- Perlu mendapatkan sijil menduduki bangunan.
- Bangunan perlu mempunyai laluan keluar masuk alternatif atau dua laluan berbeza.
- Menyediakan alat pemadam kebakaran atau sistem amaran kebakaran.
- Kapasiti bangunan yang tidak mampu menampung bilangan pelajar.
- Bangunan atau ruang bilik berselerak dan dipenuhi dengan barangan mudah terbakar.
- Struktur bangunan sekolah pondok dibina tanpa panduan daripada pihak bomba.
- Pelajar sering gagal diingatkan mengenai soal keselamatan kebakaran.
- Tiada pemantauan ketat oleh pihak berkuasa dan masyarakat.